

17 JAN 2003

Wilayah

PELBAGAI ACARA MENARIK MERIAHKAN HARI WILAYAH PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Pelbagai acara menarik disusun untuk memeriahkan sambutan ulang tahun ke-dua Hari Wilayah Putrajaya, yang turut bertujuan menarik dan meraikan kedatangan pelancong dalam dan luar negara ke pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj) Shamsiah Jamaluddin berkata acara-acara itu yang diatur mulai 31 Jan ini juga bagi memeriahkan ulang tahun wilayah itu selain menonjolkan kelebihan dan keunikan Malaysia.

"Sebagai negara yang mempunyai semangat perpaduan yang kuat, kita mahu tonjolkan kelebihan dan keunikan Malaysia yang nyata berbeza dengan negara-negara lain.

"Kita mahu beritahu bahawa Malaysia adalah negara yang amat istimewa kerana mampu mengekalkan keharmonian dan keamanannya walaupun mempunyai masyarakat majmuk yang berbeza agama, budaya dan adat resam," katanya pada sidang media mengenai sambutan Hari Wilayah Putrajaya di Kelab Tasik Putrajaya, di sini hari ini.

Putrajaya telah mencatatkan kadar bilangan pelancong melebihi satu juta setiap tahun dan 200,000 daripada jumlah itu terdiri daripada para pelancong asing.

Shamsiah berkata dua pertandingan bertaraf antarabangsa selain dua pesta besar-besaran dan pertandingan memancing yang lazimnya mendapat sambutan hangat daripada orang ramai.

Buat pertama kalinya, Pertandingan Kenu Jemputan Antarabangsa Putrajaya 2003 (PKJAP `03) akan diadakan pada 6 Feb dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehingga kini, 17 negara iaitu Malaysia, Australia, China, Brunei, Hong Kong, Iran, Jepun, Macau, Mongolia, Myanmar, Pakistan, Poland, Taiwan, Uzbekistan dan negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura mengesahkan penyertaan mereka.

Satu lagi pertandingan antarabangsa ialah Pertandingan Seni Suara Burung Merbuk Putrajaya kali ketiga pada 23 Feb di Taman Wetland Putrajaya.

"Berbeza dengan tahun sebelumnya, kali ini ia akan dikembangkan kepada peserta dari negara-negara ASEAN. Kita juga akan adakan jualan cenderamata dan aksesori serta barangan yang berkaitan dengan burung merbuk," katanya.

Sambutan Hari Wilayah Putrajaya dimulakan dengan bacaan tahlil selepas solat Maghrib di Masjid Putra pada 31 Jan sebelum dirasmikan oleh Dr Mahathir pada 4 Feb diikuti perasmian Taman Botani Putrajaya dan Hotel Shangri-La Putrajaya pada sebelah malam.

Shamsiah berkata PPj juga akan memperkenalkan lawatan sekitar Tasik Putrajaya pada waktu siang untuk membolehkan para pelancong menikmati keindahan tasik itu.

"Selama ini lawatan sekitar tasik kita hanya buat pada waktu malam, tetapi kita akan turut adakan pada waktu siang tidak lama lagi. Kita tidak mahu lawatan mereka menjadi terhad kerana Putrajaya juga adalah destinasi pelancongan negara," katanya.

-- BERNAMA

SOP HS NAK